

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.11.2014

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah yang telah dikutip balik daripada keseluruhan pinjaman RM250 juta yang telah diberikan bagi Projek National Feedlot Corporation (NFC) sehingga 30 September 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Shah Alam serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat

Pandan yang dijadualkan untuk dijawab pada 24 November 2014 kerana menyentuh perkara yang sama.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, pinjaman Kerajaan oleh syarikat Nasional Feedlot Corporation (NFCorp) berjumlah RM250 juta ini perlu dibayar balik bermula tahun 2012 sehingga 2028. Sehingga 30 September 2014, bayaran balik yang telah dikutip adalah sebanyak RM34.98 juta bagi ansuran tahun 2012 dan 2013 manakala ansuran tahun 2014 yang telah matang pada 9 Januari 2014 masih belum dijelaskan.

3. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengemukakan Notis Membaiki Kemungkiran kepada NFCorp pada 5 Mei 2014 dengan tempoh yang diberikan selama sembilan puluh (90) hari. Walau bagaimanapun, NFCorp telah gagal untuk meremеди kemungkiran tersebut. Lanjutan daripada itu, Kerajaan telah mengemukakan Notis Pengisytiharan *Event of Default* pada 4 September 2014 untuk penamatan perjanjian dan seterusnya akan mengambil tindakan undang-undang.